



JOJAPS

eISSN 2504-8457



Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Penglibatan Generasi Y Dalam Rekreasi Berasaskan Cabaran Kajian Kes: Aktiviti Rakit Arus Deras di Sungai Kampar, Gopeng, Perak

Nyi Imas Binti Muhamad Chong¹
Abdul Kharim Bin Abdul Hamid²

¹Department of Tourism and Hospitality, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Malaysia, (E-mail: imaschong75@gmail.com)

²Department of Tourism and Hospitality, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Malaysia, (E-mail: kharimabdulhamid@gmail.com)

Abstrak: Kajian ini adalah mengenai generasi Y dan penglibatan mereka dalam rekreasi berasaskan cabaran, kajian kes: aktiviti rakit arus deras di Sungai Kampar, Gopeng, Perak. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti faktor yang menarik minat generasi Y menyertai aktiviti pelancongan lasak dan faktor utama yang dititik beratkan sebelum merancang aktiviti pelancongan lasak. Satu set soal selidik di edarkan sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada generasi Y dalam lingkungan umur diantara 23 hingga 42 tahun yang menyertai aktiviti rakit arus deras di Sungai Kampar, Gopeng, Perak. Secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan bahawa minat merupakan faktor paling utama generasi Y untuk menyertai aktiviti rekreasi berasaskan cabaran. Manakala kos perbelanjaan aktiviti merupakan faktor utama yang dititik beratkan sebelum merancang aktiviti rekreasi berasaskan cabaran ini.

Keywords: generasi Y, rekreasi berasaskan cabaran, aktiviti rakit arus deras

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

1.0 PENGENALAN

Generasi Y dalam lingkungan umur diantara 23 hingga 42 tahun merupakan generasi yang paling ramai melibatkan diri dalam dalam rekreasi berasaskan cabaran. Sifat semulajadi Generasi Y yang sukakan cabaran dan selalu ingin mencuba sesuatu yang baru menjadikan golongan ini paling ramai menyertai aktiviti mencabar dan lasak. Aktiviti rekreasi berasaskan cabaran yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah aktiviti rakit arus deras (*white water rafting*) di Sungai Kampar, Gopeng, Perak.

Aktiviti rakit arus deras merupakan antara produk yang semakin mendapat tempat di kalangan penggiat-penggiat tempatan dan luar negara. Tidak semua orang boleh berkayak di arus deras kerana ianya menuntut kepakaran dan keyakinan diri yang tinggi. Menurut laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pendidikan Kanu Malaysia jumlah kemasukan penggiat rakit arus deras semakin meningkat saban tahun (*Lembaga Pendidikan Kanu Kebangsaan, 2012*). Walaupun peningkatannya bukanlah sesuatu yang mendadak namun statistik merekodkan berlaku unjuran peningkatan tahun demi tahun. Peningkatan jumlah penggiat yang datang ke negara ini adalah suatu perkembangan yang positif. Ini bermakna satu lagi produk pelancongan sukan berasaskan cabaran dapat dikomersilkan sebagai salah satu produk pelancongan di Malaysia.

Aktiviti rakit arus deras di Malaysia sememangnya amat popular di kalangan pencinta aktiviti lasak tempatan. Boleh dikatakan setiap negeri di Malaysia mempunyai kawasan untuk berkayak di arus deras ini. Negeri Perak merupakan antara syurga kayak arus deras kerana mempunyai banyak sungai-sungai yang menarik dan mencabar. Persatuan Kanu Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab untuk pembangunan sukan ini di Malaysia. Walau bagaimanapun dengan tertubuhnya Lembaga Pendidikan Kanu Kebangsaan di bawah jawatankuasa Persatuan Kanu Malaysia aktiviti kayak arus deras ini semakin diminati.

Antara tugas lembaga ini adalah menganjurkan kursus-kursus profesional berkayak kepada penggiat-penggiat baharu yang berminat dalam sukan ini. Kursus-kursus yang ditawarkan ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 1997 lagi. Kursus kayak arus deras antara kursus yang popular sepanjang penganjurannya.

Menurut (Bennet,1999) terdapat 5 jenis pengkelasan dalam Tahap Kesukaran Sungai Mengikut Piawai Antarabangsa yang telah digunapakai oleh semua penggiat aktiviti kayak arus deras di merata dunia ketika ini. Jadual 1 dibawah menunjukkan pengkelasan tahap-tahap kesukaran tersebut;


Tahap Kesukaran	Butiran
Kelas 1 	Sungai di kawasan ini tidak berjeram, mempunyai arus dan sesuai untuk mereka yang baru menceburkan diri dalam aktiviti ini.
Kelas 2 	Sungai di kawasan ini mempunyai arus yang bergerak laju, mempunyai batu-batu yang menghasilkan jeram-jeram kecil dan laluannya masih mudah di lihat.
Kelas 3 	Laluan yang berjeram di sepanjang sungai dan memerlukan mereka yang mempunyai kemahiran teknik gulingan (rolling technique) dan kemahiran self rescue yang tinggi
Kelas 4 	Sungai kelas 4 ini hanya untuk yang berpengalaman sahaja, laluan yang agak sukar dan memerlukan keyakinan diri yang tinggi disebabkan jeram yang banyak dan lebih teknikal.
Kelas 5/6 	Sungai dikawasan ini hanya untuk pengkayak yang benarbenar berpengalaman, mempunyai kumpulan yang berkemahiran tinggi dalam teknik menyelamatkan, setiap jeram yang ingin dilalui perlu dibuat tinjauan terlebih dahulu, setiap jeram berkemungkinan terdapat halangan yang sukar dan jeram di dalam kelas ini boleh membawa maut.

Figure 1 Tahap Kesukaran Sungai Mengikut Piawai Antarabangsa (Bennet, 1999)

Justeru itu, elemen penting dalam kajian ini adalah;

1.1 Tujuan kajian

Mengkaji tahap penglibatan generasi Y dalam aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.

1.2 Objektif kajian

Antara objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- 1.2.1 Mengenalpasti faktor yang menarik minat generasi Y menyertai aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.
- 1.2.2 Mengenalpasti faktor utama yang dititik beratkan sebelum merancang aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.

1.3 Persoalan kajian

Untuk menyokong objektif yang telah digariskan, berikut adalah persaoalan kajian bagi memberi panduan terhadap pelaksanaan objektif-objektif tersebut:

- 1.3.1 Apakah faktor yang menarik minat generasi Y menyertai aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.
- 1.3.2 Apakah faktor utama yang dititik beratkan sebelum merancang aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.

1.4 Kawasan kajian

Kawasan kajian adalah tertumpu di Sungai Kampar, Gopeng, Perak. Negeri Perak sememangnya syurga kepada sukan rakit arus deras ini kerana terdapat banyak sungai yang menarik. Antaranya ialah Sungai Kampar, Sungai Sungkai, Sungai Ulu Slim, Sungai Singoh, Sungai Kuala Woh dan juga Sungai Samak. Namun terdapat beberapa lagi sungai yang masih belum lagi diterokai oleh penggiat-penggiat sukan ini. Sungai Kampar merupakan antara lokasi sungai yang menarik untuk aktiviti sukan ini. Terdapat 14 jeram yang mencabar di sepanjang laluan sungai ini dan Sungai Kampar dikategorikan sebagai Sungai Kelas 3 dalam Tahap Kesukaran Sungai Mengikut Piawai Antarabangsa (Bennet, 1999). Lokasinya terletak di dalam daerah Gopeng dan tempoh perjalanan lebih kurang 90 minit dari Kuala Lumpur dan 15 minit dari pekan Gopeng.



Figure 2 Peta Gopeng

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Setiap generasi dan zamannya mempunyai ciri dan karakteristik masing-masing. Salah satu generasi yang terkenal dengan kepelbagaian ragam adalah Generation Y atau lebih popular dikenal sebagai “*Echo Boomers*” atau pun “*Millennials*” (Solomon, 2009). Hawkin & Motherbough (2010) mendefinisikan kelahiran 1977 hingga 1994 sebagai generasi Y atau dengan erti kata lain pada tahun ini (2019) generasi ini merangkumi umur diantara 23 hingga 42 tahun. Menurut Solomon (2009), generasi Y adalah salah satu generasi yang paling ketara kerana terkenal dengan kepelbagaian. Manakala menurut Cikgu Halijah Mahmud (2011) generasi Y adalah generasi masa kini yang lahir ketika dunia kaya dengan ledakan maklumat, computer malahan serba canggih dan serba cepat. Generasi ini membesar dan dibesarkan dalam suasana yang pastinya amat berbeza dengan generasi *Baby Boomers* dan juga generasi X. Terdapat beberapa ciri generasi Y yang boleh dikenalpasti antaranya mempunyai keinginan untuk bersuara secara bebas termasuk ketika membuat pilihan, senang kepada keterbukaan, cenderung membina hubungan antara satu sama lain dan mudah membina hubungan walaupun dengan orang yang baru dikenali, interaktif serta inginkan sesuatu secara pantas. Mereka juga tidak suka dikongkong dan suka membuat sesuatu untuk mendapatkan keputusan terbaik (Solomon, 2009).

Rekreasi berasaskan cabaran dikelaskan sebagai pelancongan alternatif didalam cabang pelancongan. Menurut Bucher & Bucher (1974), rekreasi adalah berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan oleh manusia ketika masa senggang, aktiviti yang menyeronokkan dan memberi kepuasan dan ia adalah aktiviti secara sukarela dan tidak melibatkan ganjaran. Menurut Newsome, Moore & Dowling (2004), rekreasi berasaskan cabaran adalah berfokus kepada aktiviti didalam kawasan semulajadi samada di darat, air atau udara.

Sukan kayak merupakan antara sepuluh sukan yang paling popular dalam setiap kali temasya olimpik (International Canoe Federation, 2007). Dalam cabang sukan kayak terdapat beberapa disiplin yang berbeza mengikut jenis kayak yang digunakan iaitu disiplin kayak *sprint*, kayak *rodeo*, *canoe polo*, *canoe sailing*, *sea kayak*, dan juga *white water rafting* ataupun kayak arus deras (Bennet, 2004). Kayak arus deras merupakan aktiviti kayak ‘*extreme*’ yang lazimnya dilakukan oleh mereka yang benar-benar mahir dalam mengendalikannya. Aktiviti ini seringkali dijalankan dikawasan sungai-sungai yang berjeram. Sebagai persiapan menjalankan aktiviti ini, beberapa alatan yang serba lengkap perlu digunakan seperti kayak (menggunakankayak plastik yang direka khas untuk aktiviti arus deras sahaja), pendayung, *helmet*, *knee pad*, *spary deck* dan beberapa alatan sampingan yang lain yang dirasakan perlu dalam sesuatu penganjuran kayak arus deras. Menurut Persatuan Kanu Malaysia di Malaysia terdapat beberapa sungai yang sememangnya menjadi syurga bagi penggiat-penggiat aktiviti kayak arus deras ini antaranya Sungai Kampar, Sungai Padas, Sungai Jeram Besu, Sungai Kuala Kubu, Sungai Sungkai dan Sungai Singor.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Kuantitatif telah digunakan dalam metodologi kajian ini. Mengedarkan borang soal selidik dan pemerhatian lapangan telah digunakan bagi tujuan mengumpul data primer. Seramai 500 responden telah dipilih secara random untuk menjawab borang soal selidik. Responden adalah terdiri daripada 500 peserta rakit arus deras yang berumur diantara 23 hingga 42 tahun yang juga dikenali sebagai generasi Y.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Profail Responden

Seramai 500 responden yang terdiri daripada peserta rakit arus deras yang berumur diantara 23 hingga 42 tahun yang juga dikenali sebagai generasi Y telah melengkapkan borang kaji selidik yang diedarkan.

Jadual 4.1: Peratusan - Jantina

Perkara	Jantina	Peratus
Jantina	Lelaki	54 %
	Perempuan	46%

Jadual 4.1 menunjukkan jenis jantina responden. Daripada 500 responden yang menjawab borang soal selidik sebanyak 54 peratus adalah terdiri daripada responden lelaki dan 46 peratus responden perempuan.

Jadual 4.2: Peratusan - Pekerjaan

Perkara	Pekerjaan	Peratus
Pekerjaan	Pelajar	40 %
	Profesional	15%
	Pengurusan	15 %
	Bekerja Sendiri	20%
	Peniaga	10%

Jadual 4.2 menunjukkan jenis dan peratusan pekerjaan responden. Sebanyak 40 peratus berstatus sebagai pelajar. Selain itu, golongan profesional sama jumlahnya dengan golongan pengurusan iaitu sebanyak 15 peratus. Manakala, peratusan responden yang bekerja sendiri adalah 20% dan ahli perniagaan 10 peratus.

Jadual 4.3: Peratusan – Taraf Pendidikan

Perkara	Pendapatan	Peratus
Tahap Pendidikan	Sarjana Muda	40%
	Diploma	35%
	Sekolah Menengah	15 %
	Sarjana/phD	5%
	Sekolah Rendah	5%

Jadual 4.3 pula menunjukkan peratusan bagi tahap pendidikan responden. Majoriti responden memegang taraf pendidikan Sarjana Muda iaitu sebanyak 40 peratus. 35 peratus berpendidikan Diploma. 15 peratus bagi berpendidikan sekolah menengah. Manakala Sarjana/phD dan sekolah rendah masing-masing menunjukkan peratusan yang sama iaitu sebanyak 5 peratus.

Secara keseluruhannya dapatan kajian bagi profil responden mendapati bahawa majoriti responden adalah terdiri daripada responden lelaki, pelajar dan bertaraf pendidikan Sarjana Muda.

4.2 Faktor yang menarik minat generasi Y menyertai aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.

Jadual 4.4: Peratusan – Faktor yang menarik minat generasi Y menyertai aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.

Perkara	Jumlah	Peratus
Faktor yang menarik minat generasi Y menyertai aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.	Minat	48 %
	Kemudahan rekreasi	22 %
	Pakej menarik	17%
	Lokasi Aktiviti	13 %

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa minat merupakan faktor utama generasi Y untuk menyertai aktiviti rekreasi berasaskan cabaran iaitu sebanyak 48 peratus. Manakala faktor kemudahan rekreasi sebanyak 22 peratus, pakej yang menarik 17 peratus dan lokasi aktiviti 13 peratus.

4.3 Faktor utama yang dititik beratkan sebelum merancang aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.

Jadual 4.5: Peratusan – Faktor utama yang dititik beratkan sebelum merancang aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.

Perkara	Jumlah	Peratus
Faktor utama yang dititik beratkan sebelum merancang aktiviti rekreasi berasaskan cabaran.	Kos perbelanjaan aktivi	45 %
	Destinasi	25 %
	Jangka Masa	10%
	Kawasan Persekitaran	10 %
	Penduduk setempat	10%

Jadual 4.5 pula menunjukkan majoriti responden memilih kos perbelanjaan aktiviti sebagai faktor utama yang dititik beratkan sebelum merancang aktiviti rekreasi berasaskan cabaran iaitu sebanyak 45 peratus. Bagi pemilihan destinasi pula sebanyak 25 peratus. Manakala pemilihan bagi jangka masa aktiviti dijalankan, kawasan persekitaran dan faktor penduduk setempat masing-masing menunjukkan sebanyak 10 peratus.

5.0 Kesimpulan

Daripada pemerhatian dan hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan mendapati generasi Y yang berprofil lelaki, pelajar dan bertaraf pendidikan Sarjana Muda merupakan golongan yang paling ramai melibatkan diri dalam aktiviti raket arus deras di Sungai Kampar, Gopeng, Perak. Golongan ini juga memilih minat sebagai faktor utama mereka melibatkan diri disamping tidak mengetepikan kepentingan faktor-faktor yang lain seperti kemudahan rekreasi, pakej yang menarik dan lokasi aktiviti.

Manakala pemilihan kos perbelanjaan aktiviti pula adalah faktor utama yang dititik beratkan sebelum merancang aktiviti rekreasi berasaskan cabaran disamping pemilihan destinasi, jangka masa aktiviti dijalankan, kawasan persekitaran dan faktor penduduk setempat. Dengan penemuan kajian ini juga diharapkan dapat membantu operator-operator swasta yang menjalankan perniagaan dalam aktiviti berasaskan cabaran dalam mengeluarkan pakej dan penyediaan kemudahan aktiviti yang sesuai dengan kehendak dan selera generasi Y yang merupakan golongan teramai pelanggan perkhidmatan mereka. Ini kerana produk pelancongan berasaskan cabaran jika diuruskan dan di rancang dengan baik ianya mampu untuk menyumbang kepada pendapatan yang lumayan kepada pihak kerajaan, operator-operator swasta serta masyarakat setempat. Ia merangkumi dari segala aspek perkhidmatan sepanjang aktiviti dijalankan seperti penginapan, makanan dan katering, cenderahati, logistik dan lain-lain lagi. Melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) adalah tidak mustahil produk pelancongan aktiviti berasaskan cabaran ini mampu bergerak seiring dengan produk-produk pelancongan yang lain. Ianya selaras dengan fungsi LPPM itu sendiri yang ingin mengetengahkan Malaysia sebagai salah sebuah destinasi yang terbaik kepada pelancong tempatan mahupun antarabangsa. Disamping itu juga, ia dapat membantu dalam perkembangan industri pelancongan negara serta mempopularkan produk-produk pelancongan tempatan.

7.0 Rujukan

- Bucher, C. A. and R. D. Bucher (1974). *Recreation For Today's Society*. United States, Prentice Hall. Jeff Bennet (2004). *The Essential Whitewater Kayaker*. United States : Ragged Mountain Press. Joy Standeven, Paul De Knop. (1999). *Sport Tourism*. Kanada: Human Kinetics.
- Jaffry Zakaria, Mohd Taib Harun dan Norlena Salamuddin (2013). *Kayak Arus Deras: Satu Produk Pelancongan Sukan Berasaskan Cabaran Di Malaysia*. Terengganu International Tourism Conference 2013
- Laporan Aktiviti Tahunan Lembaga Pendidikan Kanu Kebangsaan 2012. TanjungMalim: Persatuan Kanu Malaysia, 2012.
- Laura Vermeersch, Dale Sanders & Greg Willson (2016). *Generation Y: Indigenous Tourism Interests And Environmental Values*. Pages 184-198 | Received 08 Jul 2015, Accepted 26 Feb 2016, Published online: 20 Apr 2016.
- International Canoe Federation Annual Report 2007. Lausanne: International Canoe Federation, 2007. Mason, P. (2004).
- Tourism impact planning and management. Great Britain: Butterworth Heinemann Publication. Mathieson, A. and G. Wall (1982).
- Tourism : Economic, Physical and Social Impacts. London, Longman Group UK Limited. Newsome, D., S. A. Moore, et al. (2004).
- Natural Area Tourism : Ecology, Impacts and Management. Canada, Cromwell Press.
- Noraini W. A, Mohd Ekhwan T. 2011. Ciri Persekitaran Hidrologi dan Sedimentasi Sungai Telom Cameron Highlands. *Jurnal e-Bangi* 5 (2): 161-172 Senutha P. R.,
- Growing Youth Tourism Innovative Approaches report 2011. Kuala Lumpur: Ministry of Tourism, 2011. World Tourism Organization. (2008).
- Fact & Figures: UNWTO Tourism Highlights 2007 Edition.
- <http://cutimalaysia.my/white-water-rafting>
- <http://www.malaysiasite.nl/endaueng.htm>
- <http://www.water.gov.my/http://www.unwto.org>